

Dadah : 3 termasuk 2 wanita asing ditahan

26 September 2019

## Dadah: 3 termasuk 2 wanita asing ditahan

**JOHOR BAHRU 25 Sept.** - Polis merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM232,230 dan menahan seorang lelaki yang mempunyai lima rekod jenayah lampau berkaitan dadah dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Kota Impian 2, Yong Peng dekat Batu Pahat kelmarin.

Ketua Polis negeri, Datuk Mohd. Kamarudin Md. Din berkata, polis turut menahan dua wanita warganegara Vietnam berusia 29 tahun bersama-sama lelaki tempatan itu yang berusia 43 tahun dalam serbuan pada pukul 11 malam itu.

“Polis merampas dadah dipercayai jenis heroin seberat 5.082 kilogram, syabu (444 gram) dan pil erimin 5 (450 biji) dengan nilai dianggarkan RM232,230,” katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor hari ini.

Tambahnya, dalam serbuan



**MOHD. KAMARUDDIN MD. DIN (tiga dari kanan) bersama pegawai-pegawainya memeriksa dadah yang dirampas dalam sidang akhbar di Johor Bahru, semalam.**

sama, polis turut menyita tiga buah kereta masing-masing jenis Volvo, Proton Satria dan Toyota Wish, seutas jam tangan

jenama Omega serta wang tunai berjumlah RM1,214 dengan nilai keseluruhan RM106,214.

Beliau berkata, semua suspek

yang turut positif dadah jenis methamphetamine kini direman selama tujuh hari bermula semalam.

“Kes itu disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952,” katanya.

Sementara itu, Mohd. Kamarudin berkata, polis melupuskan sebanyak 444.5 liter pelbagai jenis dadah serta peralatan memproses bahan tersebut yang bernilai RM3.1 juta.

“Ia terdiri daripada methanol sebanyak 209 liter, acetone (209 liter), asid hidroklorik (2.5 liter), methylenedioxy (empat liter), cecair tidak berwarna (20 liter) dan antara peralatan yang dilupuskan adalah penimbang, loyang serta pelbagai jenis mesin.

Beliau berkata, pada April tahun ini, sebanyak 159 kilogram dan 42.3 liter pelbagai jenis dadah bernilai RM20.61 juta telah dilupuskan.